

## PELAKSANAAN HUKUMAN SEBATAN SYARIAH DI TEMPAT TERBUKA: SATU KAJIAN MENURUT *MAQASID AL-SYARIAH*

### *IMPLEMENTATION OF PUBLIC CANING PUNISHMENT IN SHARIA: A STUDY BASED ON MAQASID AL-SHARIAH*

Muhammad Addi Zawawi bin Azman<sup>1</sup>, Mohammad Ramzi bin Zakaria<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Al-Quran Al-Sultan Ahmad Shah Pahang, Malaysia

#### Abstrak

*Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pelaksanaan hukuman sebatan syariah secara terbuka berdasarkan perspektif maqasid al-syariah. Secara khusus, kajian ini meneliti asas dalil syarak berkaitan hukuman sebatan, menjelaskan tatacara serta hikmah pelaksanaannya, dan menilai sejauh mana hukuman tersebut berperanan dalam pemeliharaan agama, nyawa, akal, maruah serta keamanan masyarakat. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menilai implikasi pelaksanaan sebatan terbuka terhadap masyarakat dan imej Islam, serta mengemukakan cadangan penambahbaikan agar pelaksanaannya selari dengan prinsip syariah dan konteks semasa. Dari sudut metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Data dikumpulkan melalui analisis teks al-Quran, hadis Nabi SAW, pandangan fuqaha klasik dan kontemporari, serta dokumen perundangan syariah yang berkaitan dengan pelaksanaan hukuman sebatan. Kerangka maqasid al-syariah digunakan sebagai asas analisis bagi menilai tujuan, hikmah dan kesan pelaksanaan hukuman tersebut. Di samping itu, kaedah perbandingan turut diaplikasikan untuk menilai kelebihan, cabaran dan implikasi pelaksanaan sebatan terbuka terhadap masyarakat, sekali gus memastikan dapatan kajian bersifat menyeluruh dan berlandaskan prinsip syariah.*

**Keywords:** sebatan, syariah, terbuka, *maqasid al-syariah*, pemeliharaan maruah

#### Abstract

*This study aims to analyze the implementation of public caning in Sharia from the perspective of maqasid al-shariah. Specifically, it examines the foundational evidences (dalil syarak) related to caning punishment, explains its procedures and underlying wisdom, and evaluates the extent to which such punishment contributes to the preservation of religion, life, intellect, dignity, and public security. In addition, the study seeks to assess the implications of implementing public caning on society and the image of Islam, as well as to propose recommendations for improvement to ensure that its implementation aligns with Sharia principles and contemporary contexts. From a methodological*

#### Perkembangan Artikel

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

\*Corresponding Author:

Mohammad Ramzi bin Zakaria  
Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Al-Quran Al-Sultan Ahmad Shah Pahang, Malaysia

Email: [ramzi@uniqaas.edu.my](mailto:ramzi@uniqaas.edu.my)

*perspective, this research adopts a qualitative approach using a library-based research design and document analysis. Data are collected through the analysis of texts from the Qur'an, the hadith of the Prophet (PBUH), the views of classical and contemporary jurists, and relevant Sharia legal documents concerning the implementation of caning punishment. The maqasid al-shariah framework is employed as the basis of analysis to evaluate the objectives, wisdom, and impacts of the implementation of such punishment.*

*Furthermore, a comparative method is applied to assess the advantages, challenges, and implications of public caning on society, ensuring that the findings are comprehensive and grounded in Sharia principles.*

*Keywords: caning, Sharia, public, maqasid al-shariah, preservation of dignity*

## PENGENALAN

Hukuman sebatan sebagai sebahagian daripada sistem hukuman hudud dan *ta'zir* menunjukkan bahawa Islam menetapkan kaedah hukuman yang jelas bagi menangani kesalahan jenayah dan moral. Penetapan hukuman sebatan sebagai hudud bagi kesalahan zina (*ghair muhsan*), *qazaf*, meminum arak dan liwat mencerminkan sifat hukuman hudud yang bersifat *qat'i* dan wajib dilaksanakan sebagaimana ketetapan al-Quran dan al-Sunnah (Azhar & Abdullah, 2021; Isa, 2015). Dalam masa yang sama, peluasan penggunaan sebatan sebagai hukuman *ta'zir* menzahirkan fleksibiliti syariah dalam memberi kuasa kepada pemerintah dan hakim untuk mendidik serta mencegah kesalahan yang tidak termasuk dalam hudud atau *qisas*, selaras dengan pandangan Ibn Taimiyyah bahawa maksiat tanpa hukuman had tertentu tergolong dalam ruang *ta'zir* (Al-Harrani, 2005). Hal ini menunjukkan bahawa sebatan bukan semata-mata hukuman fizikal, tetapi instrumen kawalan sosial yang berfungsi dalam kerangka pendidikan dan pencegahan.

Namun demikian, pelaksanaan hukuman sebatan dalam kerangka perundangan syariah di Malaysia perlu dianalisis secara lebih kritikal, khususnya apabila ia dilaksanakan secara terbuka. Pindaan terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1984 telah menghadkan hukuman sebatan kepada enam kali sebagai hukuman *ta'zir*, sekali gus menandakan penyesuaian pelaksanaan hukum syariah dalam konteks perlembagaan dan realiti semasa (Ab Hamid et al., 2017). Walaupun hukuman ini bersifat terhad dari segi bilangan dan kategori kesalahan, reaksi masyarakat dan liputan media menunjukkan bahawa bentuk pelaksanaan secara terbuka sering ditafsirkan sebagai keras dan mencabar prinsip kemanusiaan. Kritikan yang dikemukakan oleh badan bukan kerajaan hak asasi manusia turut memperlihatkan wujudnya jurang kefahaman antara tujuan sebenar hukuman syariah dengan persepsi awam terhadap keadilan dan kemaslahatan (Syajaratul, 2024).

Berdasarkan keadaan tersebut, analisis berasaskan *maqasid al-syariah* menjadi keperluan mendesak untuk menilai sama ada pelaksanaan sebatan secara terbuka benar-benar mencapai tujuan pemeliharaan agama, maruah, keturunan dan keamanan masyarakat atau sebaliknya menghasilkan kesan sampingan seperti stigma sosial dan imej negatif terhadap Islam. Ketiadaan penilaian *maqasid* yang sistematik berpotensi menyebabkan pelaksanaan hukuman ini dilihat terpisah daripada roh dan tujuan syariah. Oleh itu, kajian ini menganalisis pelaksanaan sebatan terbuka bukan sekadar dari sudut keabsahan hukum tetapi dari sudut keberkesanan dan keselarasan pelaksanaannya dengan matlamat syariah dalam konteks masyarakat kontemporari.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Data kajian diperoleh sepenuhnya daripada sumber sekunder yang merangkumi analisis teks al-Quran dan al-Sunnah, pandangan fuqaha klasik dan kontemporari, penulisan akademik serta dokumen perundangan syariah yang berkaitan dengan pelaksanaan hukuman sebatan. Kerangka maqasid al-syariah digunakan sebagai asas analisis bagi menilai tujuan, hikmah dan implikasi pelaksanaan hukuman sebatan syariah secara terbuka khususnya dari sudut pemeliharaan agama, nyawa, akal, maruah dan keamanan masyarakat.

## OBJEKTIF KAJIAN

- a) Menganalisis asas dalil syarak dan tatacara pelaksanaan hukuman sebatan syariah, khususnya yang dilaksanakan secara terbuka
- b) Menilai pelaksanaan hukuman sebatan terbuka berdasarkan perspektif *maqasid al-syariah*.

## Definisi *Maqasid Al-Syariah*

*Maqasid al-Syariah* dari sudut bahasa berasal daripada dua perkataan iaitu *maqasid* dan *syariah*. Perkataan *maqasid* merupakan jamak daripada perkataan *maqsad* yang berasal dari kata *qasada* (Alias et.al, 2018). *Qasada* (Alias et.al, 2018) mempunyai beberapa maksud antaranya ialah:

- a) Mendatangi sesuatu dan menghala ke arahnya
- b) Lurus dan tidak bengkok. Dikatakan dalam bahasa Arab, *tariq qasid* bermaksud jalan yang lurus dan mudah untuk dilalui.
- c) Adil, pertengahan dan tidak melampau.
- d) Memecahkan atau pecahan.

Syariah dari sudut istilah bermaksud peraturan yang ditetapkan oleh Allah ke atas manusia melalui nabinya (Alias et.al, 2018).

Para *ulama* ' silam seperti Al-Shatibi mengatakan dalam mukadimahnyanya (Al-Shatibi, 1997):

مقاصد الشارع في قيام مصالحهم في الدين والدنيا معا ورعي في كل حكم منها إما حفظ شيء من الضروريات الخمسة (الدين والنفس والعقل والنسل والمال) التي هي أسس العمران المرعية في كل ملة

Maksudnya: Tujuan syariat dalam mewujudkan atau mendirikan maslahat untuk umat baik dari segi agama mahupun duniawi. Memerhatikan dalam setiap hukum yang ditetapkan adalah untuk menjaga lima perkara yang dianggap sebagai keperluan asas (agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) yang merupakan kemakmuran (pembangunan sosial, ekonomi dan budaya) yang dijaga dalam setiap pemerintahan.

Berdasarkan definisi tersebut, *maqasid al-syariah* merangkumi lima komponen utama yang menjadi asas kehidupan manusia iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Namun, dalam pelaksanaan hukuman jenayah seperti sebatan secara terbuka, aspek *hifz al-ird* (menjaga maruah) individu juga perlu diberi penekanan bagi mengelakkan timbulnya persepsi negatif dan salah tanggapan terhadap agama Islam. Aspek *hifz al-ird* turut menjadi komponen penting yang perlu diberi

pertimbangan dalam menilai pelaksanaan sebatan secara terbuka, kerana ia selari dengan objektif *maqasid al-syariah* yang menekankan kepentingan menjaga kehormatan dan kesejahteraan individu serta masyarakat. Dari sudut pencegahan jenayah, *maqasid al-syariah* menekankan bahawa seseorang tidak wajar diaibkan sebelum sabit kesalahan kerana prinsip asalnya ialah seseorang itu dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah (Ramlee, 2012).

### **Pelaksanaan Hukuman Di Tempat Terbuka**

Menurut sebahagian fuqaha, hukuman boleh dilaksanakan secara terbuka bagi tujuan *ta'dib* (pengajaran) dan *zajr* (pencegahan). Dalil umum yang menjadi sandaran ialah firman Allah SWT dalam Surah an-Nur ayat 2:

الرَّابِّهِ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةً جَلْدَةً ۖ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۗ وَلَيَشْهَدَنَّ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.

Menurut Wahbah al-Zuhaili (Zuhailiy, 1985) menukulkan pandangan mazhab Maliki mengatakan pelaksanaan *ta'zir* adalah berdasarkan ijtihad hakim. Hukuman *ta'zir* boleh diqiyaskan dengan hudud sebagai neraca penentuan kadar, meskipun ia tidak menyamai kekuatan dan ketetapan hudud. Justeru, secara akademiknya ini menunjukkan bahawa *qiyas* berperanan dalam penetapan bentuk dan kadar *ta'zir*, dengan syarat ia berfungsi sebagai alat perbandingan untuk mencapai tujuan *ta'dib* (pengajaran) dan (*zajr*) pencegahan selaras dengan *maqasid al-syariah*. Contohnya jika zina hudud diperuntukkan 100 sebatan, maka sebatan dalam kes *ta'zir* mestilah kurang daripada itu. Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa hukuman *ta'zir* termasuk dalam kategori *al-uqubat ghayr al-muqaddarah* (hukuman yang tidak ditentukan kadarnya oleh nas) justeru bentuk dan kadarnya boleh berubah mengikut besarnya dosa, keadaan pesalah serta kekerapan kesalahan (Al-Harrani, 2005). Pandangan ini menunjukkan adanya ruang ijtihad dalam menentukan hukuman *ta'zir*, termasuk dengan menggunakan pendekatan *qiyas* berasaskan prinsip *maqasid al-syariah*. Dalam konteks pelaksanaan sebatan terbuka, pendekatan ini boleh difahami sebagai usaha mengharmonikan peruntukan undang-undang syariah dengan tuntutan semasa. Pelaksanaan hukuman sebat bagi kes *ta'zir* hendaklah berlandaskan dan memelihara prinsip-prinsip sebatan hudud kerana hukuman hudud dan *qisas* dianggap sebagai asas kepada hukuman-hukuman lain memandangkan ia merupakan ketetapan yang datang daripada hak Allah (Azhar & Abdullah, 2021).

Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri Terengganu telah melaksanakan hukuman sebatan syariah secara terbuka ke atas seorang pesalah khalwat berulang. Hukuman enam sebatan ini dijalankan di khalayak ramai di Masjid Al Muktafi Billah Shah selepas tertuduh disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 31(a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Ta'zir*) (Terengganu) Pindaan 2022. Pelaksanaan ini mencatat sejarah baharu kerana sebelum ini hukuman sebatan syariah hanya dijalankan dalam penjara. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Dakwah dan Pemerkasaan Syariah Negeri, Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi, hukuman ini bukan sahaja bersifat menghukum, tetapi juga mendidik

masyarakat agar memahami hikmah syariah. Pelaksanaan secara terbuka ini turut menzahirkan prinsip *maqasid al-syariah*, khususnya dalam aspek pemeliharaan agama, maruah dan keamanan masyarakat. Walaupun menerima kritikan, kerajaan negeri tetap menegaskan bahawa langkah ini merupakan usaha memperkasa undang-undang syariah serta berfungsi sebagai langkah pencegahan dan pengajaran kepada masyarakat (Kerajaan Negeri Terengganu, 2024).

### **Analisis Maqasid Syariah Terhadap Pelaksanaan Di Tempat Terbuka**

Dalam konteks pelaksanaan hukuman syariah secara terbuka, ia mesti dinilai dari sudut *maqasid al-syariah* agar matlamat syariat tercapai tanpa menimbulkan kemudaratan. Pertama, aspek *hifz al-din* (menjaga agama) menjadi asas penting kerana hukuman syariah adalah bentuk ketaatan terhadap ketetapan Allah SWT. Ia menunjukkan kesungguhan umat Islam memelihara agama dan menegakkan hukumNya.

*Hifz al-nafs* dan *hifz al-ird* (menjaga nyawa dan maruah) perlu diberi perhatian agar pelaksanaan tidak mencederakan pesalah sehingga mengancam nyawa atau menjatuhkan maruah secara melampau. Pelaksanaan sebatan syarie oleh pihak berkuasa syariah adalah langkah pemulihan, pembalasan dan pencegahan terhadap pesalah. Unsur pemulihan dapat dilihat melalui rasa penyesalan yang timbul serta kesediaan pesalah menerima akibat hukuman secara dalaman dan luaran dengan hati yang reda, yang menjadi pemangkin untuk memperbaiki akhlak. Selain itu, hukuman ini turut berperanan sebagai *kaffarah* tau penyucian dosa apabila pesalah merasakan satu bentuk kelegaan dan pembebasan daripada dosa selepas menjalani hukuman sehingga kesakitan dan rasa malu yang dialami menjadi semakin berkurangan (Azhar & Abdullah, 2021)

*Hifz al-aql* (menjaga akal) hukuman yang dilaksanakan secara terbuka boleh mendidik masyarakat dan mencegah jenayah dengan menimbulkan rasa gerun. Namun, pelaksanaan ini tidak boleh sehingga menimbulkan sensasi media atau stigma negatif yang boleh mencetus salah faham. Semua ini juga tertakluk kepada pertimbangan antara *maslahah* (manfaat) dan *mafsadah* (kemudaratan). Pelaksanaan hukuman mesti membawa pendidikan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang, tetapi tidak boleh menimbulkan aib, trauma atau persepsi negatif terhadap syariah. Menurut Mufti Pulau Pinang, antara tujuan pelaksanaan sebat terbuka ialah mencegah jenayah dan mendidik masyarakat agar tidak mengulangi kesalahan yang sama aspek ini dilihat seiring dengan prinsip *hifz al-aql* yang menuntut penggunaan akal bagi mencegah kerosakan moral (Syajaratul, 2024). Hal ini sepertimana merujuk kaedah fiqh menegaskan:

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya: Mengelakkan kemudaratan lebih diutamakan daripada meraih manfaat.

### **Cadangan Dan Kesimpulan**

Kesimpulan kajian ini diperoleh melalui analisis kualitatif yang menyeluruh terhadap sumber-sumber primer dan sekunder khususnya pengalaman pelaksanaan hukuman sebatan secara terbuka di Terengganu, teks al-Quran dan al-Sunnah, pandangan fuqaha serta dokumen perundangan syariah. Analisis berasaskan kerangka *maqasid al-syariah* membolehkan penilaian dibuat secara seimbang antara keabsahan hukum dan implikasi pelaksanaan dengan menimbang aspek *maslahah* dan *mafsadah*.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan sebatan terbuka mempunyai asas syarak dan hikmah tersendiri sebagai instrumen pendidikan dan pencegahan jenayah. Namun keberkesannya bergantung kepada tatacara pelaksanaan yang teratur, berperingkat dan mematuhi garis panduan yang jelas. Justeru, kesimpulan bahawa negeri-negeri lain boleh mencontohi pendekatan Terengganu secara berperingkat disokong oleh analisis keselarasan pelaksanaan tersebut dengan prinsip pemeliharaan agama, nyawa, akal, maruah dan keamanan masyarakat.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Pertama, kajian ini bergantung sepenuhnya kepada data sekunder melalui analisis dokumen dan teks tanpa melibatkan data empirikal seperti temu bual atau pemerhatian lapangan yang mungkin dapat memberikan gambaran lebih mendalam tentang persepsi pesalah, masyarakat dan pegawai pelaksana. Kedua, skop kajian lebih tertumpu kepada pengalaman pelaksanaan di Terengganu, justeru dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan sepenuhnya kepada semua negeri kerana perbezaan konteks sosial, perundangan dan penerimaan masyarakat. Selain itu, kajian ini tidak menilai secara kuantitatif tahap keberkesanan sebatan terbuka dalam mengurangkan kadar jenayah yang boleh memberikan sokongan empirikal yang lebih kukuh.

Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk memperluaskan skop penyelidikan dengan menggunakan pendekatan empirikal seperti temu bual mendalam, kajian kes atau tinjauan persepsi masyarakat bagi menilai penerimaan dan kesan sebenar pelaksanaan sebatan terbuka. Kajian perbandingan antara negeri atau dengan negara lain yang melaksanakan hukuman syariah juga boleh dijalankan bagi mengenal pasti amalan terbaik. Selain itu, penyelidikan lanjutan disarankan untuk menilai keberkesanan program pendidikan dan penerangan awam dalam membentuk kefahaman masyarakat terhadap maqasid *al-syariah* agar pelaksanaan hukuman sebatan dapat dilihat bukan sahaja sebagai penguatkuasaan undang-undang tetapi sebagai mekanisme tarbiah dan keadilan yang berteraskan rahmah.

#### **KONFLIK KEPENTINGAN**

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

#### **PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS**

Muhammad Addi Zawawi bin Azman (Pengumpulan data dan penulisan awal)  
Mohammad Ramzi Zakaria (Metodologi dan Pemilihan data)

#### **KESEDIAAN DATA DAN BAHAN**

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis koresponden.

#### **PENYATAAN ETIKA**

Tidak berkenaan.

#### **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan yang diberikan oleh para penulis bersama.

## RUJUKAN

- Ab Hamid, N. A., Hassim, M. H., Mat Rashid, A., Salleh, M., & Mat Nor, M. F. (2017). Enakmen kesalahan jenayah syariah di Malaysia: Kajian keseragaman dan ketidakseragaman bagi peruntukan kesalahan tatasusila. *Proceedings of the 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE)*.
- Anon. Kerajaan Negeri Terengganu. (2025, December 31). *Sebat di khalayak: Mufti Wilayah gesa semua pihak hormati Terengganu*. Portal Terengganu Darul Iman. Retrieved December 31, 2025, from <https://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/arkib/berita-utama/2728-sebat-di-khalayak-mufti-wilayah-gesa-semua-pihak-hormati-terengganu>
- Azhar, M., & Abdullah, B. (2021). The level of pain and the relevance of syarie whipping: The experience of ex-convicts who have been whipped in public. *Journal*, 2(1), 1–22.
- Basmeih, A. M. (2001). *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran* (30 juz). Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Al-Harrani, T. A. bin T. A.-H. (2005). *Majmu' al-fatawa Shaykh Ibn Taymiyyah*. Dar El-Wafa.
- Isa, H. M. A. bin M. (2015). *Hudud: Satu penjelasan*. Majlis Agama Islam Selangor.
- Muhammad Nazir Alias, Lubis, M. A., Kamis, M. S., Samsudin, M. A., Omar, A. F., & Irdha, A. I. M. (2018). Maqasid syariah as determination of Islamic law based on Shafie school of thought. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 2(1), 2600–2769.
- Ramlee, Z. (2023). *Prinsip maqasid syariah dalam pencegahan jenayah*. UiTM Press.
- Al-Shatibi, A. I. (1997). *Al-muwafaqat fi usul al-shariah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Syajaratulhuda, M. R. (2024, December 29). *Hukuman sebat secara terbuka perlu perbincangan mendalam – Mufti*. Sinar Harian. Retrieved December 30, 2024, from <https://www.sinarharian.com.my/article/704401/berita/semasa/hukuman-sebat-secara-terbuka-perlu-perbincangan-mendalam---mufti>
- Zuhailiy, W. (1985). *Al-fiqh al-Islami wa adillatuh* (Vol. 6). Dar al-Fikr.